

**PERSIDANGAN KALI YANG KETIGA
(BELANJAWAN)
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN MULUT**

~~~~~

**Pada : 20 Jamadilawal                      1447H  
11 November                                2025**

**Soalan-soalan yang dikemukakan oleh :**

**1.            YB TUAN NORSHAM BIN SULAIMAN - SEMERAK**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Apakah langkah serta inisiatif yang telah di ambil untuk meningkatkan kompetensi penjawat awam Kelantan selaras dengan Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam Nasional?

**JAWAPAN : (YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD)**

Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa komited dalam memperkukuh kecekapan dan profesionalisme penjawat awam negeri, selaras dengan agenda Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam Nasional (PTPAN).

Dalam konteks ini, beberapa langkah dan inisiatif strategik telah dilaksanakan, antaranya:

- i.    Pelan Operasi Latihan (POL) Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan 2025-2030 yang mana telah diterbitkan dan dilancarkan pada 8 Julai 2025. Pelan Operasi Latihan ini dirangka sebagai dokumen rujukan utama dalam merancang, menyelaraskan dan melaksanakan proaram pembanduan kompetensi penjawat awam negeri secara lebih menyeluruh, sistematik dan berfokus. Peranan Bahagian Pengurusan pejabat Sumber Manusia, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan adalah amat signifikan dalam memacu agenda transformasi sumber manusia Keralaan Negeri, termasuk pelaksanaan latihan yang menjajarkan pembangunan kompetensi dengan aspirasi Negeri dan keperluan perkhidmatan masa hadapan.

- ii. Pelaksanaan Program Latihan Berstruktur dan Berfokus Kerajaan Negeri telah menyediakan program latihan bersasar melibatkan aspek kepimpinan, pengurusan, perundangan, teknologi digital serta nilai-nilai integriti dan akauntabiliti. Bagi tahun 2025, latihan secara berterusan telah dilaksanakan sebanyak 93 program perkhidmatan yang melibatkan pelbagai skim di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan. Kerajaan Negeri yakin bahawa penjawat awam merupakan tulang belakang dan pemacu utama keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

Maka, usaha berterusan akan terus dilaksanakan bagi memastikan transformasi perkhidmatan awam negeri selari dengan aspirasi nasional serta kehendak rakyat menyelaraskan dan melaksanakan program pambanduan kompetensi penjawat awam negeri secara lebih menyeluruh, sistematik dan berfokus. Peranan Bahagian Pengurusan pejabat Sumber Manusia, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan adalah amat signifikan dalam memacu agenda transformasi sumber manusia Kerajaan Negeri, termasuk pelaksanaan latihan yang menjajarkan pembangunan kompetensi dengan aspirasi Negeri dan keperluan perkhidmatan masa hadapan.

- iii. Pelaksanaan Program Latihan Berstruktur dan Berfokus Kerajaan Negeri telah menyediakan program latihan bersasar melibatkan aspek kepimpinan, pengurusan, perundangan, teknologi digital serta nilai-nilai integriti dan akauntabiliti. Bagi tahun 2025, latihan secara berterusan telah dilaksanakan sebanyak 93 program perkhidmatan yang melibatkan pelbagai skim di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan. Kerajaan Negeri yakin bahawa penjawat awam merupakan tulang belakang dan pemacu utama keberkesanan penyampaian perkhidmatan. Maka, usaha berterusan akan terus dilaksanakan bagi memastikan transformasi perkhidmatan awam negeri selari dengan aspirasi nasional serta kehendak rakyat.

## **2. YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD – TENDONG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, bilakah kali terakhir Peraturan Dewan Negeri Kelantan disemak dan adakah Kerajaan bercadang bagi membuat semakan dan kemaskini Peraturan tersebut selaras dengan perkembangan semasa dan keperluan digital?

**JAWAPAN : (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)**

Ya, terdapat cadangan untuk memperkasa Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan ke tahap yang lebih baik dan masih lagi di peringkat kajian iaitu bagi membugar amalan demokrasi DUN Kelantan selaras dengan kehendak Parlimen Malaysia yang menjunjung Sistem Demokrasi Berparlimen. Cadangan memperkasa DUN Kelantan merangkumi Reformasi Struktur Pentadbiran, Pengasingan Bangunan Pentadbiran DUN Kelantan daripada Bahagian Majlis Mesyuarat Kerajaan, Mewujudkan Laman Web DUN Kelantan, Memperkasa Sistem Jawatankuasa Pilihan, Mewujudkan Bahagian Penyelidikan dan Pusat Sumber serta Mewujudkan Bahagian Teknologi Maklumat.

### **MAKLUMAT TAMBAHAN:**

Untuk makluman, *Peraturan-Peraturan dan Perintah Tetap Dewan Negeri Kelantan* tidak pernah disemak secara menyeluruh sejak ia mula diperkenalkan pada 27 Ogos 1960. Walau bagaimanapun, hanya cetakan semula dokumen ini telah dilakukan, masing-masing pada tahun 1979 dan 2016, tanpa sebarang pindaan substantif terhadap kandungannya.

Menyedari kepentingan perkara ini dan keperluan mendesak untuk memastikan peraturan dewan sentiasa seiring dengan perkembangan semasa – khususnya dalam aspek ketelusan, kecekapan dan penggunaan teknologi – Jawatankuasa Terpilih Bil. 1/2025 telah bersidang dan memutuskan bahawa *Peraturan-Peraturan dan Perintah Tetap Dewan Negeri Kelantan* perlu digubal semula dan digantikan dengan versi baharu yang lebih komprehensif dan relevan dengan situasi semasa.

Sehubungan dengan itu, Pejabat Dewan Negeri Kelantan telah mengambil inisiatif untuk mendapatkan salinan Perintah Tetap dari setiap negeri di Malaysia, dengan tujuan meneliti dan menilai amalan terbaik ("best practices") di peringkat negeri lain. Kajian perbandingan ini akan dijadikan asas bagi merangka peraturan baharu yang bersesuaian dengan keperluan dan keunikan pentadbiran serta legislatif negeri Kelantan.

Usaha penggubalan ini sedang dilaksanakan secara kolaboratif antara Pejabat Speaker, Pejabat Dewan Negeri Kelantan dan Bahagian Undang-Undang (BAHUU) Kerajaan Negeri. Sehingga kini, dua (2) sesi libat urus telah diadakan bagi menyelaraskan penelitian awal dan

perbincangan teknikal ke arah penyediaan draf awal Peraturan dan Perintah Tetap baharu.

Selain itu, untuk meningkatkan lagi kecekapan pengurusan persidangan Dewan, Kerajaan Negeri Kelantan sebelum ini telah memperkenalkan sistem e-Dewan sebagai satu inovasi dalam pengurusan maklumat dan dokumen rasmi Dewan secara digital. Sistem ini telah membantu memperkemas perjalanan mesyuarat serta urusan pentadbiran secara lebih pantas dan mesra teknologi.

Namun begitu, pihak Dewan menyedari bahawa sistem e-Dewan sedia ada perlu melalui proses penambahbaikan berterusan, khususnya dari sudut keselamatan data, integrasi sistem dan kebolegunaan (usability) bagi semua pihak berkepentingan. Sehubungan itu, penggunaannya telah ditangguhkan buat sementara waktu, bagi memberi laluan kepada pembangunan satu sistem baharu yang lebih selamat, efisien dan bersesuaian dengan keperluan semasa.

Kerajaan Negeri komited untuk memastikan sistem digital pengurusan Dewan dapat kembali dilaksanakan selepas proses penaiktarafan ini selesai, sebagai satu langkah memperkukuh kecekapan tadbir urus Dewan Negeri secara menyeluruh.

Insya-Allah, setelah draf peraturan baharu disempurnakan, ia akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Terpilih untuk penelitian akhir, sebelum dibawa ke Dewan ini untuk pertimbangan dan kelulusan.

### **3. YB PUAN NOR ASILAH BINTI MOHAMED ZIN – LIMBONGAN**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Apakah strategi kerajaan negeri untuk menarik lebih banyak pelaburan luar pada tahun hadapan?

**JAWAPAN : (YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM BIN ABDUL RAHMAN)**

Bahagian Pelaburan Kelantan (Invest Kelantan) merupakan sebuah entiti khas yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri bagi memainkan peranan sebagai pemudah cara dalam mengurus dan memudahcara proses permohonan pelaburan oleh mana-mana pelabur yang ingin membuat pelaburan di negeri Kelantan.

Strategi Kerajaan Negeri bagi menarik pelaburan berimpak tinggi ke negeri Kelantan adalah dengan melaksanakan Hari Pelaburan Kelantan @ INFEX 2026 di Kuala Lumpur pada tahun 2026 dengan kerjasama MIDA bertujuan untuk memberi pendedahan dan perkembangan terkini berkaitan peluang-peluang pelaburan di negeri ini kepada pelabur-pelabur luar.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan mengadakan Misi Pelaburan ke negara-negara yang berpotensi untuk melabur ke negeri ini. Pada tahun ini, Misi Pelaburan ke negara Jepun telah dilaksanakan pada 27 Julai hingga 3 Ogos 2025 dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk bertemu dengan pelabur-pelabur berpotensi melalui kaedah Perkongsian Pintar (smart partnership) dengan ROHM Electronics (Malaysia) Sdn. Bhd. Misi ini juga diadakan bersempena dengan Expo 2025 Osaka dan penyertaan Kerajaan Negeri di Pavilion Malaysia, Expo 2025 Osaka.

Bagi menambahkan tarikan pelaburan di negeri Kelantan, Kerajaan Negeri mewujudkan kawasan-kawasan industri baharu yang lengkap dengan infrastruktur asas seperti Taman IBS seluas 200 ekar di Machang dan Taman Industri seluas 200 ekar di Pasir Puteh melalui kerjasama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Bahagian Pelaburan Kelantan juga sentiasa bekerjasama rapat bersama dengan agensi-agensi yang berkaitan seperti MIDA, ECERDC dan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) untuk bertemu pelabur-pelabur yang berpotensi melabur di negeri ini.

Kerajaan Negeri sentiasa terbuka menerima setiap permohonan pelaburan yang dipohon oleh mana-mana pelabur dan tidak terikat kepada sektor pelancongan dan industri halal sahaja. Selain itu, Kerajaan Negeri sentiasa mempromosikan kawasan-kawasan yang berpotensi untuk dimajukan mengikut kesesuaian berdasarkan Rancangan Struktur Negeri 2040 dan kesesuaian pelabur.

4. **YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM – KOTA LAMA**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar menyatakan, apakah langkah proaktif yang telah dan akan diambil oleh kerajaan negeri dalam menangani peningkatan kes demam denggi, leptospirosis, dan penyakit berjangkit di negeri ini?

**JAWAPAN : (YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH)**

Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa peka dan mengambil langkah proaktif dalam menangani peningkatan kes penyakit berjangkit seperti **demam denggi, leptospirosis dan penyakit berjangkit lain** melalui tindakan bersepadu bersama **Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** serta agensi-agensi berkaitan.

Statistik tahun semasa penyakit demam denggi di negeri Kelantan sehingga 4 Oktober 2025 menunjukkan penurunan yang ketara. Sejumlah 1,192 kes demam denggi telah dilaporkan, iaitu penurunan sebanyak 52.51% berbanding 2,510 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2024. Bagi tahun ini juga, tiada kes kematian akibat denggi dilaporkan, berbanding terdapat dua (2) kes kematian pada tahun lepas.

Dari segi wabak, sebanyak 87 wabak denggi telah dilaporkan sehingga 4 Oktober 2025 berbanding 161 wabak pada tempoh yang sama tahun 2024, iaitu penurunan sebanyak 46%. Kesemua wabak berkenaan telah tamat dan tiada wabak aktif pada masa ini.

Strategi utama dalam menangani penyakit demam denggi adalah melalui pendekatan 'source reduction', iaitu memastikan kebersihan persekitaran penduduk yang bebas daripada tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes. Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) dalam usaha pencegahan pembiakan nyamuk Aedes ini. Antara langkah dan aktiviti proaktif yang telah dan akan dilaksanakan termasuklah:

- i. YB Exco Kesihatan, YB Himi Abdullah telah merasmikan Program Gotong-Royong Mega Perangi Aedes Bil. 1 Tahun 2025 peringkat negeri Kelantan pada 20 Jun 2025 di Masjid Sultan Ismail Petra, Kubang Kerian yang turut disertakan dengan Pelancaran Projek Pelepasan Nyamuk Aedes Berwolbachia di Bandar Baru Kubang Kerian. Pada masa sekarang terdapat 3 lokaliti pelepasan nyamuk aedes berwolbachia di negeri Kelantan.

- ii. YB Exco Kesihatan juga akan merasmikan Program Gotong-Royong Mega Perangi Aedes Bil. 2 Tahun 2025 Peringkat Negeri Kelantan yang dirancang akan diadakan di Daerah Tanah Merah pada bulan November ini. Dengan pelaksanaan program gotong-royong ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat berhubung ancaman denggi dan kaedah mengatasinya.
- iii. Pihak Berkuasa Tempatan (MPKB) turut melaksanakan tindakan penguatkuasaan bersepadu bersama anggota Pejabat Kesihatan Daerah Kota Bharu bagi memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk Aedes di kawasan tumpuan awam seperti Pasar Siti Khadijah.
- iv. Pihak berkuasa tempatan juga bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan dalam melaksanakan aktiviti gotong-royong di kawasan-kawasan yang dikenal pasti sebagai lokasi wabak denggi di setiap daerah.

Kerajaan Negeri akan terus memperkukuhkan kolaborasi dengan semua agensi berkaitan, termasuk pihak berkuasa tempatan dan komuniti setempat, bagi memastikan usaha pencegahan denggi dilaksanakan secara berterusan dan berkesan di seluruh negeri Kelantan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga perlu merancang untuk mempergiat aktiviti pencegahan pembiakan nyamuk Aedes melalui peningkatan tahap kebersihan persekitaran penduduk.

Antara langkah yang perlu diberi perhatian adalah menambah bilangan tempat pembuangan sampah di kawasan pinggir bandar serta menyediakan lebih banyak lori pemungut sampah, agar penduduk tidak lagi membuang sampah di kawasan belakang rumah masing-masing seterusnya menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes.

**5. YB TUAN MOHD RODZI BIN JAA' FAR - GAAL**

Minta YAB Dato Panglima Perang Menteri Besar nyatakan apakah perancangan pihak Kerajaan dalam usaha merancakkan/menarik minat golongan muda supaya berminat menceburi bidang pertanian. Dan apakah perancangan yang dilakukan oleh pihak Kerajaan untuk mengenal pasti tanah-tanah terbiar untuk dijadikan kawasan pertanian khususnya di DUN Gaal.

**JAWAPAN : (YB DATO'HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL)**

Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk menarik minat golongan muda agar menceburi bidang pertanian sebagai salah satu sumber pendapatan baharu serta kerjaya yang berdaya maju. Antara pendekatan yang diambil oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) adalah seperti:

- i. Menyalurkan maklumat berkaitan bantuan-bantuan atau sokongan Kerajaan pusat mahupun Kerajaan negeri seperti Geran Agropreneur Muda yang menyediakan pelbagai fasa bantuan antaranya seperti Geran Start-up RM 30,000, Geran Scale-up RM 50,000, Geran peluang kedua RM 20,000.
- ii. Pihak Kerajaan negeri juga boleh memberi bantuan permulaan dalam bentuk input pertanian seperti baja, benih serta bimbingan dari agensi-agensi Kerajaan negeri yang dengan mengadakan kursus-kursus Latihan teknikal dan Kemahiran bagi projek yang berkaitan.
- iii. Pihak Kerajaan negeri juga mempunyai agensi-agensi pertanian yang boleh menyalurkan maklumat kepada Syarikat-syarikat swasta mahupun NGO yang dapat memberi khidmat CSR seperti dalam bentuk input pertanian, jentera, dan khidmat nasihat.
- iv. Pihak agensi Kerajaan negeri juga membantu dengan mengadakan projek-projek Pembangunan pertanian bagi tanah pertanian terbiar atau projek Pembangunan tanah-tanah pertanian dengan merangka projek Pembangunan secara kontrak farming bersama belia-belia yang berminat yang mempunyai tanah pertanian sendiri.

Selain itu, mengadakan kempen pertanian melalui media massa seperti Facebook, Tiktok dan sebagainya dengan memberi pendedahan berkaitan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan mahupun jabatan saamda berbentuk insentif pertanian mahupun geran-geran yang ditawarkan. Pelaksanaan kursus juga penting untuk memberi pendedahan berkaitan kemahiran atau teknologi pertanian masa kini secara umumnya kepada golongan sasaran. Hal ini kerana

tanpa bantuan kemahiran dan teknikal, petani yang baru menceburkan diri dalam bidang pertanian akan mengalami kesulitan untuk meneruskan bidang ini. Antara perancangan yang telah dibuat bagi mengenalpasti tanah-tanah terbiar khususnya di Dun Gaal adalah dengan membuat pemetaan atau identifikasi lot tanah yang mempunyai status pertanian tetapi masih tidak diusahakan dengan kerjasama Pejabat Tanah dan Pejabat Pertanian.

**6. YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD @ DAUD YATIMEE – PENGKALAN PASIR**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, berapakah bilangan menara yang wujud di seluruh Kelantan iaitu menara di atas tanah dan juga di atas bangunan serta berapakah hasil kerajaan daripada bayaran oleh Telco?

**JAWAPAN : (YB DATO' WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT)**

Jumlah menara yang wujud dan berpermit di negeri Kelantan adalah sebanyak 1102 buah menara yang melibatkan 990 buah menara di atas tanah dan 112 buah menara di atas bumbung. Anggaran hasil kerajaan yang diperolehi adalah sebanyak RM 3,030,500.00 setahun melalui bayaran pembaharuan permit di Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat, dimana bayaran yang adalah sebanyak RM 2,750.00 untuk sebuah menara bagi setiap tahun.

**MAKLUMAT TAMBAHAN:**

Kerajaan Negeri dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah memuktamadkan perjanjian untuk mengguna pakai sistem *Communications Infrastructure Permit Management* (CIPM). Melalui sistem yang diperkenalkan oleh MCMC ini, Kerajaan Negeri boleh memastikan struktur menara yang didirikan sama ada di atas tanah mahupun di atas bangunan mempunyai kelulusan permit daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Pecahan struktur menara mengikut jenis setakat 30 September 2025 di negeri Kelantan adalah seperti berikut:

| DUN KELANTAN | MENARA | DWI-FUNGSI | ATAS BUMBUNG | BTS SEMENTARA | JUMLAH |
|--------------|--------|------------|--------------|---------------|--------|
| AIR LANAS    | 28     | 3          | -            | -             | 31     |
| APAM PUTRA   | 22     | 8          | 2            | -             | 32     |
| BUKIT BUNGA  | 22     | -          | 1            | -             | 23     |
| BUKIT PANAU  | 20     | 16         | 13           | -             | 49     |
| BUNUT PAYONG | 6      | 15         | 13           | 2             | 36     |
| CHEMPAKA     | 13     | 16         | 5            | -             | 34     |
| CHETOK       | 14     | 3          | -            | -             | 17     |
| DABONG       | 42     | -          | 1            | 1             | 44     |
| DEMIT        | 14     | 17         | 6            | -             | 37     |
| GAAL         | 13     | 1          | -            | 1             | 15     |
| GALAS        | 53     | 9          | 3            | 3             | 68     |
| GUAL IPOH    | 34     | -          | -            | 1             | 35     |
| GUAL PERIOK  | 21     | 5          | 5            | -             | 31     |
| GUCHIL       | 19     | 6          | 4            | 2             | 31     |
| JELAWAT      | 27     | 7          | -            | 1             | 35     |
| KADOK        | 7      | 5          | -            | 1             | 13     |
| KELABORAN    | 10     | 14         | 3            | -             | 27     |

|                 |            |            |            |           |              |
|-----------------|------------|------------|------------|-----------|--------------|
| KEMAHANG        | 16         | -          | -          | -         | 16           |
| KEMUNING        | 30         | 9          | 2          | 1         | 42           |
| KIJANG          | 8          | 7          | 2          | -         | 17           |
| KOK LANAS       | 15         | 14         | -          | -         | 29           |
| KOTA LAMA       | 2          | 1          | 53         | -         | 56           |
| KUALA BALAH     | 19         | -          | -          | -         | 19           |
| LIMBONGAN       | 18         | 7          | 5          | 1         | 31           |
| MANEK URAI      | 26         | 1          | -          | -         | 27           |
| MELOR           | 14         | 5          | -          | -         | 19           |
| MENGKEBANG      | 31         | 1          | -          | -         | 32           |
| MERANTI         | 13         | 4          | -          | -         | 17           |
| NENGGIRI        | 41         | 1          | 1          | -         | 43           |
| PALOH           | 40         | -          | -          | -         | 40           |
| PANCHOR         | 15         | 24         | 3          | -         | 42           |
| PANTAI IRAMA    | 18         | 16         | 1          | -         | 35           |
| PASIR PEKAN     | 12         | 7          | 1          | -         | 20           |
| PASIR TUMBOH    | 16         | 15         | 10         | -         | 41           |
| PENGKALAN KUBOR | 11         | 6          | 1          | -         | 18           |
| PENGKALAN PASIR | 12         | 8          | 3          | -         | 23           |
| PULAI CHONDONG  | 14         | 10         | -          | 1         | 25           |
| SALOR           | 17         | 12         | 3          | 1         | 33           |
| SELISING        | 16         | 9          | -          | -         | 25           |
| SEMERAK         | 16         | 6          | 2          | -         | 24           |
| TANJONG MAS     | 6          | 16         | 30         | 3         | 55           |
| TAWANG          | 21         | 5          | -          | -         | 26           |
| TEMANGAN        | 23         | 4          | -          | -         | 27           |
| TENDONG         | 15         | 8          | -          | 1         | 24           |
| WAKAF BHARU     | 12         | 16         | 1          | 1         | 30           |
| <b>JUMLAH</b>   | <b>862</b> | <b>337</b> | <b>174</b> | <b>21</b> | <b>1,394</b> |

Jumlah struktur komunikasi atas tanah (termasuk menara, menara dwi-fungsi dan menara sementara) adalah sebanyak 1,220 stesen. Manakala, struktur komunikasi atas bangunan adalah sebanyak 174 stesen.

## **7. YB TUAN MOHD ALMIDI BIN JAAFAR – BUKIT BUNGA**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar memberi pencerahan mengenai pelan jangka panjang Kerajaan Negeri dalam memperkukuh ekonomi ibu tunggal atau armalah di Kelantan, selain bantuan one-off, termasuklah usaha memperluas peluang kemahiran, keusahawanan dan jaringan sokongan komuniti, supaya golongan ini dapat berdikari dan terus menyumbang kepada ekonomi negeri.

### **JAWAPAN : (YB DATO' ROHANI BINTI IBRAHIM)**

Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memperkukuh kedudukan ekonomi golongan ibu tunggal atau armalah agar mereka mampu berdikari dan terus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri. Pendekatan yang dilaksanakan bukan sahaja berbentuk bantuan kewangan *one-off*, tetapi turut menekankan aspek pembangunan kemahiran, keusahawanan dan jaringan sokongan komuniti secara berterusan. Antara usaha memperkukuh ekonomi armalah di Kelantan ialah:

#### **i. Bantuan Sosio Ekonomi Armalah**

Bantuan Sosio Ekonomi ialah satu bentuk sokongan kewangan dan program pembangunan yang diberikan kepada armalah dengan tujuan untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka melalui bantuan seperti pemberian barang perniagaan, peralatan mesin, serta kemudahan lain yang dapat membantu menjana pendapatan dan memperkukuh ekonomi keluarga. Penerima Adhoc Sosio Ekonomi dari tahun 2020 sehingga 2025.

- a. Tahun 2020 : 21 orang penerima
- b. Tahun 2021 : 111 orang penerima
- c. Tahun 2022 : 25 orang penerima
- d. Tahun 2023 : 150 orang penerima
- e. Tahun 2024 : 775 orang penerima
- f. Tahun 2025 : 613 orang penerima

#### **ii. Tabung Usahawan Wanita**

Tabung Usahawan Wanita (TUW) merupakan bantuan peralatan perniagaan kepada usahawan kecil wanita berpendapatan rendah yang ingin memulakan atau meningkatkan perniagaan. Inisiatif ini telah banyak memberi manfaat kepada sebahagian pengusaha kecil wanita seluruh Kelantan. Bantuan yang diberikan kepada peniaga kecil wanita adalah dalam bentuk peralatan bagi membantu mereka menambah kuantiti pengeluaran dan menjana ekonomi. Berikut adalah bilangan penerima Tabung Usahawan Wanita dari tahun 2020 hingga 2025, seramai 288 armalah telah menerima manfaat untuk menjana ekonomi mereka.

- a. Tahun 2020 : 6 orang armalah
- b. Tahun 2021 : 180 orang armalah
- c. Tahun 2022 : 54 orang armalah
- d. Tahun 2023 : 10 orang armalah
- e. Tahun 2024 : 26 orang armalah
- f. Tahun 2025 : 12 orang armalah

**iii. Penubuhan Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK)**

PPWK adalah pusat sehenti pelbagai aktiviti kepada wanita setempat di 45 DUN, khususnya dalam bidang kemahiran telah dimulakan pada tahun 2005 sehingga kini. Sejak tahun 2006 sehingga tahun 2024, PPWK telah menerima seramai 7,482 orang pelatih berdaftar di 45 cawangan PPWK dan seramai 4,405 orang pelatih yang telah berjaya bergraduasi. Dengan penubuhan PPWK ini Kerajaan Negeri banyak memberi peluang dan membantu wanita Kelantan termasuklah armalah dalam membangun dan meningkatkan tahap sosio ekonomi mereka dengan menjana pendapatan bermula di rumah dan seterusnya ke peringkat yang lebih baik.

**iv. KEMBARA ARMALAH**

Sejak tahun 2017, sebanyak RM225,000.00 telah diperuntukkan bagi melaksanakan program lawatan dan kembara yang memberi peluang kepada golongan armalah terpilih untuk merasai suasana persekitaran baharu serta mempelajari ilmu dan pengalaman yang berharga. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap potensi ekonomi dalam kalangan armalah setempat. Melalui pelaksanaan program ini, masyarakat setempat dapat mengenal pasti dan memanfaatkan potensi kawasan mereka sebagai destinasi ekonomi dan pelancongan, sekali gus mendorong penyertaan aktif dalam bidang keusahawanan komuniti.

**v. PUSAT LATIHAN WANITA OKU DAN ARMALAH (PLWOA)**

Kerajaan Negeri Kelantan melalui kerjasama Kementerian Kewangan Malaysia, PKINK, serta U-KeKWa telah menubuhkan Pusat Latihan Wanita OKU dan Armalah (PLWOA). Bertujuan menjadi pusat kemahiran bersepadu khusus kepada golongan wanita kurang upaya dan armalah dalam usaha memperkasakan sosial dan ekonomi golongan ini. Antara aktiviti di PLWOA adalah;

- a. bengkel jahitan ekspres
- b. kelas sulaman
- c. kelas jahitan berkala
- d. kelas Al-Quran braille
- e. aktiviti cuti sekolah seperti kraftangan, jahitan kreatif dan kulinari

**8. YBM TUAN KU MOHD ZAKI BIN HUSSIN – DABONG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Menteri Besar nyatakan, Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi memberi penerangan serta kefahaman Hubbul Watan kepada anak-anak Kelantan di perantauan?

**JAWAPAN : (YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD)**

Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat terhadap usaha memperkukuh kefahaman dan penghayatan semangat hubbul watan atau cinta kepada tanah air dalam kalangan rakyat, khususnya anak-anak Kelantan di perantauan.

Sebenarnya, elemen-elemen Hubbul Watan telah lama diberi penekanan dalam pelbagai program Kerajaan Negeri, khususnya yang melibatkan anak-anak Kelantan di perantauan seperti program kebajikan, wacana jati diri dan inisiatif pembangunan insan. Kini, usaha tersebut diperkukuh melalui penyediaan satu modul khas Hubbul Watan yang menghimpunkan panduan serta asas kefahaman tentang konsep cinta kepada tanah air menurut perspektif Islam.

Modul ini merangkumi empat bahagian utama:

- i. Pengertian Hubbul Watan, iaitu penerangan mengenai maksud sebenar cinta kepada tanah air berdasarkan nilai Islam.
- ii. Kedudukan Watan di Sisi Islam, yang menjelaskan bahawa mencintai watan adalah fitrah manusia yang selari dengan ajaran Islam, termasuk tuntutan untuk mempertahankan, memakmurkan dan membangunkan negeri.
- iii. Rasulullah SAW dan Watan, yang menyorot kecintaan Rasulullah terhadap Mekah dan Madinah serta doa Baginda untuk keamanan tanah airnya.
- iv. Tugas dan Tanggungjawab terhadap Tanah Air, yang menekankan kepentingan mempertahankan, mencintai, setia dan bekerjasama dalam membangunkan watan.

Modul ini kini dalam proses akhir percetakan dan akan digunakan dalam pelbagai program penerangan, bengkel, seminar dan aktiviti bersama anak-anak Kelantan di dalam dan luar negeri. Usaha ini mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri bahawa semangat Hubbul Watan merupakan sebahagian daripada tuntutan iman, dan menjadi asas kepada perpaduan, pembangunan insan serta kesejahteraan negeri Kelantan Darul Naim.

**9. YB PUAN NOR ASILAH BINTI MOHAMED ZIN – LIMBONGAN**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Apakah usaha kerajaan negeri dalam memperkukuh kesedaran masyarakat terhadap penjagaan alam sekitar dan pengurangan plastik sekali guna?

**JAWAPAN : (YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH)**

Antara usaha Kerajaan Negeri dalam memperkukuh kesedaran masyarakat terhadap penjagaan alam sekitar dan pengurangan plastik sekali guna adalah seperti berikut:

- i. Inisiatif awal yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Kelantan pada Tahun 2014 iaitu Kempen Kota Bharu Bebas Beg Plastik dengan mewajibkan kedai serbaneka tidak menggunakan beg plastik pada hari Sabtu, Ahad dan Isnin atau mengenakan levi RM 0.20 kepada pelanggan bagi setiap pembelian.
- ii. Komitmen ini diteruskan dengan pelaksanaan Kempen Sifar Plastik pada 19 Februari 2024 bagi memastikan Pelan Halatuju Sifar Beg Plastik di Kelantan dapat dilaksanakan pada 2030.
- iii. Program kesedaran tentang penggunaan beg plastik melalui kempen Bebas Beg Plastik di Pasar Besar Siti Khadijah pada 7 Ogos 2025.
- iv. Program penguatkuasaan larangan penggunaan beg plastik oleh premis-premis komersial termasuk pasaraya, kedai runcit dan kedai serbaneka bermula 1 Oktober 2024

**MAKLUMAT TAMBAHAN:**

Kerajaan Negeri Kelantan menggalakkan masyarakat menggunakan beg plastik yang mudah dilupuskan atau beg sendiri ketika membeli-belah bagi mengurangkan penggunaan plastik sempena Hari Tanpa Beg Plastik Antarabangsa (3 Julai).

Kerajaan Negeri telah mula melaksanakan kempen sifar plastik sejak awal tahun 2024 iaitu pada 19 Februari 2024 bagi memastikan pelan hala tuju sifar beg plastik di Kelantan dapat dilaksanakan pada tahun 2030.

Penerimaan masyarakat terhadap kempen yang dijalankan amat menggalakkan. Selain dapat mengurangkan kebergantungan kepada beg plastik, ianya dilihat berupaya mengurangkan sisa domestik pada hari tersebut. Pihak pasaraya juga mematuhi arahan dan kempen yang dibuat.

Pelaksanaan penguatkuasaan larangan penggunaan bahan plastik di pasaraya telah menampakkan perkembangan positif dan mendapat sambutan daripada pasaraya serta pengguna.

Pelaksanaan penguatkuasaan kawalan penggunaan bahan plastik di pasaraya juga telah mengurangkan perbelanjaan PBT bagi kos pelupusan sisa pepejal yang melibatkan beg plastik.

**10. YB TUAN HAJI MOHD HUZAIMY BIN CHE HUSIN – PANTAI IRAMA**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, sejauh mana perkembangan dan halatuju tercapai dalam pelaksanaan program ADUN Belia Kelantan, termasuk fungsi serta gerak kerja mereka dalam mendepani isu masyarakat setempat dan memberi khidmat bakti kepada negeri.

**JAWAPAN : (YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD)**

Kerajaan Negeri melalui Urus Setia Belia dan Sukan dengan kerjasama Majlis Pembangunan Anak Muda Kelantan (MPAMK) sentiasa memberi penekanan terhadap kesinambungan pembangunan kepimpinan belia yang lahir daripada pelbagai inisiatif terdahulu seperti Program GENTERA dan ADUN Belia Kelantan.

Graduan dan peserta kedua-dua program tersebut telah dikenali sebagai antara produk kepimpinan muda negeri yang kini dimanfaatkan semula melalui pelbagai saluran pembangunan di bawah Kelantan Future Leaders Institute (KFLI) yang merupakan platform induk pembangunan belia negeri berasaskan Dasar Penghayatan Membangun Bersama Islam dan Dasar Anak Muda Kelantan (DAMAK) serta Pelan Kelantan Sejahtera 2033.

Melalui pelan tindakan KFLI, kerajaan negeri telah menstrukturkan semula pembangunan bakat kepimpinan belia secara berlapis dan berfokus agar kesinambungan ini dapat diterjemahkan dalam bentuk tindakan nyata.

Untuk makluman Dewan yang mulia, perkembangan terkini Program ADUN Belia Kelantan bagi sesi 2025-2026, seramai 57 orang ADUN Belia Kelantan telah dilantik mewakili pelbagai kelompok dan institusi, meliputi:

- 45 orang ADN Belia DUN, mewakili setiap kawasan Dewan Undangan Negeri
- 1 orang wakil Majlis Belia melalui Majlis Gabungan Belia Kelantan (MGBK)
- 1 orang wakil Perpaduan Kaum melalui Pusat Integrasi Antara Kaum Negeri Kelantan (PEKA)
- 1 orang wakil Belia OKU melalui Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan (MPPOK)
- 4 orang wakil institusi pengajian tinggi utama negeri:
  - o Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
  - o Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan
  - o Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)

- o Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Kota Bharu (IPGMKB)
- 5 orang ADN Belia lantikan khas EXCO Belia. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, 38 adalah lelaki dan 19 perempuan, menunjukkan keseimbangan penyertaan yang baik dalam kepimpinan muda negeri.

Daripada jumlah keseluruhan tersebut, 38 adalah lelaki dan 19 perempuan, menunjukkan keseimbangan penyertaan yang baik dalam kepimpinan muda negeri.

Sebagai langkah pemerkasaan awal, Sekretariat Kelantan Future Leaders telah menganjurkan Bengkel Pemerkasaan ADN Belia Kelantan 2025 pada 28-30 Ogos 2025 yang lalu. Bengkel ini memberi penekanan terhadap aspek:

- Kefahaman mandat dan peranan ADN Belia
- Kemahiran komunikasi dasar dan advokasi komuniti
- Serta keperluan merancang dan melaksanakan projek komuniti berimpak (RFP) di kawasan masing-masing

Selain itu, setiap ADN Belia Kelantan juga diwajibkan untuk:

- i. Menghadiri Sidang Dewan Negeri Belia Kelantan yang pertama dijadualkan pada 3-4 November 2025 dan sesi sidang kedua pada Februari/Mac 2026
- ii. Melaksanakan sekurang-kurangnya satu projek komuniti (RFP) dalam tempoh pelantikan
- iii. Menganggotai sekurang-kurangnya satu Jawatankuasa Kluster Portfolio
- iv. Dan bersedia mengikuti sesi bimbingan dan pemantauan berkala oleh Sekretariat

Sebagai lanjutan daripada bengkel pemerkasaan, ADN Belia telah digerakkan melalui lima (5) kluster jawatankuasa antaranya;

- i. Kluster Jawatankuasa Perancangan Ekonomi dan Kewangan
- ii. Kluster Jawatankuasa Pendidikan, Teknologi, & Pembangunan Modal Insan
- iii. Kluster Jawatankuasa Agama, Dakwah & Komunikasi Strategik
- iv. Kluster Jawatankuasa Sosial, Kebajikan & Komuniti
- v. Kluster Jawatankuasa Alam Sekitar, Pertanian, & Kerajaan Tempatan

Setiap kluster telah melaksanakan siri mesyuarat dan konsultasi bersama agensi yang terbabit untuk membangunkan usul dan cadangan polisi yang akan dibentangkan dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri Belia Kelantan 2025 pada awal November ini.

Dari segi fungsi dan gerak kerja lapangan, ADN Belia turut terlibat dalam beberapa aktiviti komuniti termasuk:

Terlibat dalam menggerakkan program kebajikan dan kesedaran sosial bersama masyarakat setempat iaitu Program Cakna Rakyat dan karnival di DUN dan kawasan masing masing, serta terlibatsama dalam Kelantan Future Leader Convention;

- i. Kempen solidariti kemanusiaan seperti Himpunan Aman Solidariti bersama Palestin di berbagai kawasan pada 3 Oktober 2025, serta advokasi solidariti palestin di media sosial
- ii. Program-program pemeraksanaan Kemahiran Bengkel Etiket Sosial dan Protokol
- iii. Dan Sesi libat urus bersama agensi negeri bagi mengenal pasti isu akar umbi yang melibatkan golongan muda seperti peluang pekerjaan, pembangunan kemahiran dan keselamatan sosial

Melalui pendekatan ini, Kerajaan Negeri berhasrat supaya ADN Belia bukan sekadar simbolik pelapis kepimpinan, tetapi menjadi platform latihan kepimpinan sebenar yang melahirkan pemimpin muda berdaya fikir, berakhlak dan berjiwa rakyat seiring dengan visi Kelantan Sejahtera 2033.

Sekretariat turut menggalakkan setiap ADN Belia untuk berkolaborasi dengan Pusat Khidmat DUN masing-masing agar sumbangan mereka dapat disalurkan secara langsung kepada masyarakat dan pengundi muda di kawasan sendiri.

#### **MAKLUMAT TAMBAHAN:**

##### **Manfaat & Kesyinambungan dengan Produk Program GENTERA**

Graduan program GENTERA yang juga sebahagiannya kini menjadi ADN Belia dan juga telah berada dilapangan kerjaya masing-masing yang terbukti dapat memenuhi antara posisi strategik sebagai suara anak muda dalam Kerajaan negeri mahupun agensi luar termasuk menjadi pemimpin mahasiswa dan mempengaruhi anak muda di media sosial. Graduan program Gentera turut memainkan peranan sebagai pendokong dan fasilitator dalam program-program latihan kepimpinan di bawah KFLI seperti:

- i. Kelantan Future Leaders Bootcamp dan Academy
- ii. Sesi advokasi komuniti
- iii. Penglibatan dalam kluster kepimpinan dan Pembangunan belia

Kesyinambungan ini memastikan pelaburan latihan terdahulu tidak terhenti, sebaliknya diperluas melalui rangka kerja pembangunan belia yang sistematik dan berterusan.

Melalui pendekatan ini, Kerajaan Negeri bukan sahaja berjaya mengekalkan momentum kepimpinan muda yang dilatih, tetapi turut memperkukuh jaringan penglibatan belia dalam urus tadbir negeri dan masyarakat setempat.

Usaha ini sejajar dengan aspirasi untuk melahirkan Belia AlQawiyul Al-Amin – belia yang kompeten, berilmu dan berintegriti, yang mampu menjadi pemimpin masa hadapan negeri Kelantan Darul Naim.

**11. YB TUAN NORSHAM BIN SULAIMAN - SEMERAK**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Apakah langkah-langkah dan perancangan yang telah di ambil bagi mengawal pembangunan di kawasan sensitif alam sekitar di Kelantan seperti di Tanah Tinggi Lojing?

**JAWAPAN : (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)**

Kerajaan Negeri melalui pelbagai jabatan dan agensi sentiasa memberi perhatian serius terhadap isu pembangunan di kawasan sensitif alam sekitar, khususnya di Tanah Tinggi Lojing. Bagi tujuan tersebut, langkah-langkah dan perancangan pengawalan pembangunan telah dilaksanakan secara bersepadu oleh beberapa agensi.

Dari sudut perancangan fizikal negeri, PLANMalaysia@Kelantan memastikan pembangunan di kawasan KSAS dikawal secara menyeluruh berpanduan kepada dokumen rancangan pemajuan, pekeliling, dan garis panduan yang berkuat kuasa.

Kawalan ini dilaksanakan melalui pelan gunatanah, jadual kelas gunatanah, serta garis panduan perincian yang telah digariskan dalam dokumen perancangan. Antara dokumen utama yang menjadi rujukan ialah:

- i. Rancangan Struktur Negeri Kelantan 2040 (RSNK 2040)
- ii. Rancangan Tempatan Jajahan yang melibatkan kawasan KSAS
- iii. Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tanah Tinggi Lojing
- iv. Pekeliling Pembangunan Bil. 2 Tahun 2022 - *Penambahbaikan Kawalan Pembangunan Pertanian di Kawasan Tanah Tinggi Berkecerunan antara 25° hingga 35° (Kelas III).*

Selain itu, semua pembangunan di kawasan tersebut juga tertakluk kepada perundangan, akta, garis panduan dan peraturan semasa yang berkuat kuasa oleh jabatan dan agensi berkaitan.

**MAKLUMAT TAMBAHAN:**

Pihak Majlis Daerah Gua Musang (MDGM) menggunakan Rancangan Tempatan Jajahan Gua Musang (RTGM) serta Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tanah Tinggi Lojing yang telah diwartakan sebagai panduan utama dalam kawalan pembangunan di kawasan berkenaan.

Selain itu, Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Kelantan, yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Kali ke-5/2020 pada 15 Mei 2020, turut dijadikan

rujukan bagi memastikan setiap pembangunan mematuhi piawaian perancangan yang telah ditetapkan.

Pembangunan di Tanah Tinggi Lojing dilaksanakan berpandukan kepada Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tanah Tinggi Lojing, yang berfungsi untuk menterjemahkan dasar serta strategi daripada:

- i. Rancangan Fizikal Negara (RFN)
- ii. Rancangan Struktur Negeri (RSN)
- iii. Rancangan Tempatan (RT)

RKK ini membolehkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengambil tindakan segera dalam merancang dan mengawal pembangunan.

Selain itu, terdapat beberapa instrumen dan pelan tindakan lain yang turut digunapakai untuk mengawal pembangunan di kawasan Tanah Tinggi, antaranya:

- i. Kebenaran Merancang (KM) - diluluskan oleh PBT
- ii. Environmental Impact Assessment (EIA) - dikawal selia oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS)
- iii. Rancangan Tempatan Jajahan Gua Musang (RTGM)
- iv. Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KESAS)
- v. Pelan Pengurusan Pembangunan Bagi Kawasan Tanah Tinggi Cameron Highlands-Kinta-Lojing (CEKAL) - yang kini dalam peringkat kajian pelaksanaan

**12. YB TUAN ZURAIDIN BIN ABULLAH - CHETOK**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi meningkatkan pelaksanaan dan penglibatan ke dalam Program TVET Pertanian serta insentif khas yang akan di berikan kepada usahawan tani?

**JAWAPAN : (YB DATO'HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL)**

Usaha meningkatkan TVET Pertanian di Kelantan telah bermula dari tahun 2018 hingga kini. Kerajaan Negeri Kelantan melalui Jawatankuasa Portfolio Pertanian, Industri Agro Makanan Dan Komoditi Negeri Kelantan telah memperkenalkan Program GEPA (Gerakan Pertanian Al Falah) buat Pondok & Tahfiz seluruh Negeri Kelantan. Peruntukkan Kerajaan Negeri sebanyak RM 20,000 kepada Pondok & RM 10,000 kepada Pusat Tahfiz bagi menjalankan aktiviti Pertanian & Penternakan bagi menampung keperluan Pondok & Tahfiz terutama dari segi Sumber Makanan Dan Sumber Ekonomi pendapatan sampingan.

Bermula tahun 2024, KPKB Agensi Kerajaan Negeri telah mengorak langkah dengan memilih Pondok & Tahfiz serta Institusi lain yang dikenal pasti untuk mengadakan TVET Pertanian secara berstruktur di bawah Pusat Latihan Pertanian Al Falah Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) bagi memperkenalkan SLDN (Skim Latihan Dual Nasional) terutama TVET Pertanian Di peringkat Negeri Kelantan dengan Kerjasama pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia bagi pengeluaran Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1, 2 & 3.

Bagi menyokong pembangunan Sektor Pertanian melalui pengembangan TVET Pertanian, insentif Khas melalui Peruntukan Kewangan Kerajaan Negeri bagi Galakan Pertanian diberikan kepada Usahawan Tani & Usahawan Ternak Terpilih secara berkelompok atau Komuniti melalui beberapa Program Gerakan Pertanian Al Falah telah diperkenalkan untuk memberi latihan kemahiran Agro. Manakala Agensi Di bawah Kementerian Pertanian Keterjaminan Makanan (KPKM) Dan juga pihak perbankan pinjaman kewangan pula sentiasa komited bekerjasama dengan Agensi Sektor Pertanian Kerajaan Negeri.

Sasaran Kerajaan Negeri Kelantan adalah saluran insentif secara geran 'one off' sebagai permulaan kepada golongan anak mudo, pelajar lepasan universiti dan sekolah yang mempunyai kemahiran sektor pertanian dan meraikan sokongan tambahan buat usahawan Muda yang menjalankan aktiviti Pertanian di atas Tanah-tanah terbiar. Skim bantuan khas ini meliputi pemberian input Pertanian termasuk penyediaan peralatan asas dan latihan amali berkaitan.

Usaha ini akan menjadikan Negeri Kelantan sebagai pemain utama sektor Ekonomi pertanian, sejajar dengan misi Negeri Kelantan Jelapang Makanan/ ba'loh Negara. Ia juga, sekaligus melahirkan lebih ramai usahawan tani berkemahiran untuk meningkatkan hasil Pertanian Negeri Kelantan melalui teknologi tinggi serta menjamin Keterjaminan & Keselamatan makanan Negara.

**13. YB TUAN HAJI AZHAR BIN SALLEH – PULAI CHONDONG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Apakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan bagi menginterasikan pelajar-pelajar Yayasan Islam Kelantan (YIK) dengan pelajar-pelajar SRJK(Cina) dan SRJK(Tamil) di Kelantan melalui program-program pendidikan YIK?

**JAWAPAN : (YB DATO' WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT)**

Sejak tahun 2021, Yayasan Islam Kelantan telah melaksanakan pembelajaran Bahasa Mandarin di Maahad Tahfiz Sains Nurul Hidayah Tualang Tinggi dengan jumlah pelajar seramai 175 orang dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Selain itu, Yayasan Islam Kelantan juga mengaktifkan Kelab-kelab Bahasa Mandarin di 10 buah Sekolah dengan mengadakan aktiviti pengukuhan Bahasa Mandarin termasuk Pertandingan Drama Bahasa Mandarin di Peringkat Negeri.

Oleh itu, Kerajaan Negeri masih dalam peringkat cadangan untuk mengembangkan penggunaan Bahasa Mandarin termasuk mengintegrasikan pelajar-pelajar Yayasan Islam Kelantan dengan pelajar-pelajar SRJK(Cina) manakala untuk Bahasa Tamil, sehingga ini masih tiada dalam pelaksanaan di sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan.

14. **YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD – MELOR**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Apakah perkembangan semasa Projek Central Spine Road (CSR) serta langkah koordinasi bagi mengatasi isu pengambilan tanah dan kelewatan menyiapkan kerja oleh kontraktor?

**JAWAPAN : (YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN)**

Bagi Projek Central Spine Road (CSR), pembinaan melibatkan enam (6) pakej utama yang dibahagikan kepada 26 seksyen sepanjang hampir 300 kilometer. Sehingga September 2025, kemajuan keseluruhan telah mencapai 75.30% berbanding jadual 75.96% Daripada jumlah tersebut, 14 seksyen telah siap sepenuhnya, termasuk keseluruhan Pakej 5 yang melibatkan empat (4) seksyen dan telah dibuka kepada pengguna pada 11 Jun 2024. Baki 12 seksyen yang lain kini berada pada pelbagai peringkat pembinaan, dan keseluruhan CSR dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2028.

Bagi menangani isu-isu kelewatan dan memastikan keberhasilan projek ini, pihak Kementerian Kerja Raya bersama agensi pelaksana Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia telah mengambil langkah-langkah proaktif dan strategik, termasuk:

- i. Program lawatan turun padang secara berkala oleh pengurusan tertinggi Kementerian dan JKR ke tapak-tapak projek bagi memantau pelaksanaan sebenar dan menyelaraskan tindakan segera di lapangan;
- ii. Libat urus intensif bersama pemegang taruh seperti Pejabat Tanah dan pihak utiliti bagi menyelesaikan isu berkaitan pengambilan balik tanah dan pemindahan utiliti;
- iii. Pemantauan prestasi kontraktor secara mingguan, dengan laporan disalurkan terus kepada peringkat pengurusan tertinggi untuk tindakan pembetulan segera;
- iv. Penilaian dan penggantian kontraktor yang gagal mematuhi tahap prestas minimum, berdasarkan mekanisme kontrak yang sedia ada.

**MAKLUMAT TAMBAHAN:**

Sejak pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan seterusnya Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan Persekutuan telah memulakan pembangunan infrastruktur jalan raya di sepanjang Laluan Persekutuan 8 (FT08). Laluan ini merupakan nadi pengangkutan utama yang menghubungkan Kuala Krai di Kelantan dengan Persimpangan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) di Pahang melalui projek Lingkaran Tengah Utama (LTU) dahulu dikenali sebagai

Central Spine Road (CSR), serta Kota Bharu melalui projek Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai (KBKK).

Projek LTU dan KBKK ini adalah antara inisiatif infrastruktur berskala besar yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan dengan kos keseluruhan berjumlah RM10 billion. Pelaksanaannya telah dimulakan secara berfasa sejak tahun 2010, iaitu pada penghujung RMKe-9, dan diteruskan dalam tempoh Rancangan Malaysia berikutnya termasuklah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13).

Projek Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai (KBKK) melibatkan tiga (3) pakej utama yang dibahagikan kepada lapan (8) sub pakej dengan panjang keseluruhan 70.4 kilometer. Sehingga September 2025, kemajuan keseluruhan projek telah mencapai 59.01% berbanding jadual 59.31%. Daripada jumlah tersebut, dua (2) subpakej iaitu Pakej 1 dan Pakej 2A telah siap sepenuhnya serta dibuka kepada pengguna pada Oktober 2019. Baki lima (5) sub pakej kini sedang giat melaksanakan, dan keseluruhan projek KBKK dijangka siap menjelang tahun 2027.

**15. YB PUAN NOR ASILAH BINTI MOHAMED ZIN - LIMBONGAN**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar menyatakan, Apakah perancangan kerajaan negeri dalam memperkasa pembangunan bakat belia dalam bidang sukan dan kreatif?

**JAWAPAN : (YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD)**

Kerajaan Negeri melalui Urus Setia Belia dan Sukan (U-BeS) sentiasa memberi tumpuan kepada usaha memperkasa bakat dan potensi belia dalam dua bidang utama iaitu sukan prestasi tinggi dan kesenian belia beridentiti Islamik.

Usaha ini dilaksanakan selaras dengan dasar Kelantan Sejahtera 2033 serta gagasan Belia Qawiyul Al-Amin yang menekankan pembangunan belia yang kompeten, berdisiplin dan berakhlak.

**1. Pembangunan Bakat Belia Dalam Bidang Sukan**

Dalam bidang sukan, Kerajaan Negeri menumpukan kepada tiga pendekatan utama:

**(a) Pengukuhan pembangunan akar umbi dan bakat pelapis.**

Majlis Sukan Negeri (MSN) Kelantan telah merangka satu pelan pembangunan sukan berstruktur bagi memperkasa bakat belia dalam bidang sukan. Pendekatan ini dilaksanakan melalui Piramid Program Pembangunan Atlet Kelantan, yang memberi fokus kepada tiga peringkat utama pembangunan bakat, iaitu Bakat, Pelapis dan Imtiyaz.

**1. Peringkat Bakat**

Menumpukan kepada pencarian dan pembangunan atlet bawah 15 tahun melalui program bakat peringkat akar umbi. Tumpuan diberikan kepada penglibatan pelajar sekolah, pusat kecemerlangan sukan, dan kelab komuniti. Program seperti Talent Scouting dan Klinik Sukan Komuniti dilaksanakan bagi mengenal pasti potensi awal atlet muda.

**2. Peringkat Pelapis**

Disasarkan kepada atlet berumur 18 tahun dan ke bawah, khususnya mereka yang telah memenangi pingat di peringkat MSSM dan kejohanan remaja seperti SportExcel. Atlet ini diberi peluang mengikuti latihan intensif bersama jurulatih bertaualiah MSN serta menyertai kejohanan kebangsaan. Latihan berpusat dan program pembangunan saintifik turut disediakan bagi memperkukuh prestasi mereka.

### **3. Peringkat Imtiyaz**

Merangkumi atlet berumur 21 tahun ke bawah, termasuk pemenang pingat di temasya SUKMA serta kejohanan kebangsaan dan antarabangsa. Atlet dalam kategori ini diberi sokongan penuh dari aspek latihan, pemakanan, psikologi sukan dan pendedahan pertandingan berperingkat tinggi. Mereka menjadi calon utama mewakili Kelantan dalam SUKMA dan kejohanan kebangsaan.

Disamping itu program seperti Talent ID & Development Program, Kem Bakat Sukan Negeri dan Liga Elit DUN Kelantan terus dilaksanakan bagi mencungkil dan membimbing bakat baharu di peringkat daerah dan DUN.

#### **(b) Peningkatan penyertaan belia dalam sukan massa dan gaya hidup sihat.**

Program Rakan Muda dan Hari Sukan Belia Kelantan dilaksanakan bagi menggalakkan penyertaan masyarakat khususnya belia dalam aktiviti kecergasan berteraskan sunnah dan kesihatan jasmani.

#### **(c) Penyaluran sokongan dan pengiktirafan atlet negeri.**

Melalui Anugerah Sukan Negeri Kelantan dan penyaluran insentif kepada atlet yang mengharumkan nama negeri, Kerajaan turut memberi galakan dan motivasi kepada belia untuk terus aktif dan berdaya saing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

### **2. Pembangunan Bakat Belia Dalam Bidang Kesenian**

Dalam bidang kesenian, Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada pembangunan kesenian yang berteraskan nilai Islam dan warisan budaya negeri Kelantan. Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah:

Program Rakan Muda Kesenian & Kreatif, yang membuka ruang kepada belia untuk mengetengahkan bakat dalam muzik nasyid, teater dakwah, kaligrafi dan seni kreatif moden berteraskan dakwah.

Selain itu, di bawah Majlis Pembangunan Anak Muda Kelantan juga mempunyai wakil dari Penggiat Seni Kelantan yang aktif dan menjadi suara dalam Pembangunan belia dalam bidang kesenian. Antara program yang dicadangkan adalah menubuhkan Akademi Pendikir Muda Kelantan.

Sokongan turut diberikan kepada aktiviti seni warisan seperti dikir barat, silat, dan persembahan budaya Islamik tempatan melalui kerjasama dengan NGO belia dan komuniti.

Secara keseluruhan, usaha memperkasa pembangunan bakat belia dalam bidang sukan dan kesenian ini adalah sebahagian daripada pendekatan holistik Kerajaan Negeri untuk melahirkan generasi anak muda kalis masa depan dengan nilai Al Qawiy Al Amin, generasi yang bukan sahaja cemerlang dalam bakat dan prestasi, tetapi juga memiliki kekuatan akhlak, disiplin dan jati diri.

**16. YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR – KEMUNING**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar menyatakan jumlah gelanggang silat yang berdaftar di negeri ini, serta usaha-usaha Kerajaan Negeri Kelantan dalam menaikkan silat sebagai seni mempertahankan diri Melayu, terutama dalam memberikan peruntukan khusus kepada gelanggang-gelanggang yang berdaftar tersebut.

**JAWAPAN : (YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR)**

Kerajaan Negeri menerusi Majlis Kebudayaan Negeri Kelantan (MKN) sentiasa komited dalam memperkasakan seni silat sebagai warisan budaya dan seni mempertahankan diri Melayu. Pelbagai bentuk bantuan dan sumbangan disalurkan kepada persatuan dan gelanggang silat yang berdaftar, termasuklah:

- i. Penganjuran acara dan festival silat di peringkat negeri dan antarabangsa seperti *Festival Silat Antarabangsa, Pesta Silat Jatuh*, serta Demonstrasi Silat di Majlis-Majlis Rasmi dan keramaian negeri.
- ii. Sumbangan kewangan dan logistik kepada persatuan silat untuk pelaksanaan aktiviti serta program pembangunan ahli dan pelatih.
- iii. Penyertaan gelanggang silat dalam program kebudayaan negeri, bagi memperkenalkan keindahan seni silat kepada pelancong dan masyarakat umum.
- iv. Galakan kepada generasi muda untuk menyertai kegiatan silat sebagai usaha melestarikan warisan seni mempertahankan diri Melayu.

Berdasarkan maklumat daripada Majlis Kebudayaan Negeri Kelantan (MKN), terdapat beberapa persatuan silat yang aktif dan berdaftar di negeri ini dengan jumlah gelanggang sebagaimana berikut:

- i. Setanjak- Silat Jatuh 30 buah gelanggang
- ii. [P]anglima Gayong- 120 gelanggang
- iii. [S]ilat Lintau- 2 buah
- iv. [S]ilat Terlak Asli- 210 buah
- v. [S]ilat Cekak Ustaz Hanafi- 34 buah
- vi. [S]ilat Pusaka Gayong-17 buah

**17. YB TUAN MOHD RUSLI BIN ABDULLAH- WAKAF BHARU**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan perancangan jangka pendek dan jangka panjang kerajaan negeri dalam usaha untuk membangunkan kawasan industri petroleum di bachok serta sejauh manakah kesungguhan kerajaan negeri untuk memajukan sektor minyak dan gas bagi kemakmuran negeri serta untuk menarik keyakinan pelabur dari dalam dan luar negara.

**JAWAPAN : (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)**

Kerajaan Negeri amat menyedari potensi Jajahan Bachok sebagai salah satu kawasan strategik bagi pembangunan sektor minyak dan gas di Pantai Timur. Bagi memastikan pembangunan yang terancang, kerjasama antara agensi-agensi Kerajaan Negeri diperlukan bagi mengenal pasti sertaewartakan kawasan industri terutama fokus kepada industri minyak dan gas di Jajahan Bachok.

Bagi perancangan jangka pendek, pihak Majlis Daerah Bachok (MDB) bersedia menerima serta menimbang sebarang permohonan pembangunan daripada pemaaju yang berminat untuk melaksanakan projek berkaitan industri petroleum dan sokongannya di kawasan Bachok, tertakluk kepada dasar serta garis panduan sedia ada.

Manakala bagi perancangan jangka panjang, Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan kepada usaha penyediaan infrastruktur asas dan kemudahan awam di kawasan yang dikenal pasti, termasuk penambahbaikan aspek kebersihan bagi menjamin kesiapsiagaan kawasan tersebut.

Kesungguhan Kerajaan Negeri dalam memajukan sektor minyak dan gas juga dizahirkan melalui komitmen berterusan menarik pelabur domestik dan antarabangsa, di samping memastikan sektor ini dimajukan secara mampan bagi menjana kemakmuran ekonomi negeri serta peluang pekerjaan kepada rakyat Kelantan.

**18. YB TUAN HARUN BIN ISMAIL – TAWANG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan berapa institusikah yang melaksanakan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan dan sejauh manakah keberkesanannya?

**JAWAPAN : (YB DATO' WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT)**

Sehingga kini terdapat 3 institusi yang melaksanakan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan iaitu Yayasan Islam Kelantan (YIK), Kolej Universiti Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Institut Latihan Darul Naim (ILDAN).

Keberkesanan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) di peringkat Yayasan Islam Kelantan ialah YIK menerbitkan memasukkan DPRK dalam Pelan Strategik Yayasan Islam Kelantan (YIK) (2021-2025). Ini menunjukkan komitmen institusi untuk meneruskan dan memperkukuh pelaksanaan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan di semua sekolah YIK. Ini akan memudahkan skala dan penyelarasan aktiviti di peringkat sekolah manakala di peringkat Sekolah YIK Pelaksanaan di peringkat sekolah dan latihan kepada guru-guru.

Institut Latihan Darul Naim (ILDAN) dan Yayasan Islam Kelantan (YIK) mengadakan seminar, latihan untuk pengetua dan guru, menunjukkan usaha pelaksanaan yang berstruktur dan teratur untuk memastikan dasar ini dapat dilaksanakan dengan baik dan terancang di peringkat sekolah.

Manakala keberkesanan DPRK di Peringkat KIAS telah dilaksanakan secara sistematik dan berstruktur iaitu KIAS menjadikan DPRK dalam Plan Learning Outcome ( PLO) bagi memastikan penghayatan bersepadu dan menyeluruh. Setakat ini, KIAS telah melaksanakan Audit Penghayatan DPRK di semua peringkat iaitu Penghayatan DPRK di kalangan pelajar, pentadbir dan pensyarah.

KIAS merupakan institusi pertama di peringkat Institusi Pengajian Tinggi menjadikan DPRK sebagai elemen penting dalam pembentukan syaksiyyah pelajar yang berjiwa Rabbani. Melancarkan Slogan "Disini lahirnya Generasi Rabbani" menjadi tag line sbg moto & panduan pengurusan serta Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan pembangunan pelajar. KIAS juga mengeluarkan Garis panduan kawalan hiburan, persembahan, pertandingan, permainan dan media sosial KIAS 2025 berdasarkan DPRK.

### **MAKLUMAT TAMBAHAN:**

Antara institusi-institusi yang melaksanakan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan adalah sebagaimana berikut:

1. Yayasan Islam Kelantan adalah salah satu institusi yang melaksanakan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) melalui sekolah-sekolah yang dibawah Yayasan Islam Kelantan. YIK mengetuai pelaksanaan di sekolah-sekolah di bawah naungannya dan menerajui majlis pelancaran pelaksanaan dasar. Pada peringkat awal pelaksanaan DPRK hanya bertumpu pada 10 buah sekolah rintis yang telah dipilih. Selepas fasa perintis, pelaksanaan DPRK diperluaskan kepada 83 buah sekolah di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK) yang terlibat dalam pelaksanaan dasar ini.
2. Institusi Pengajian Tinggi (IPT) juga mula mengadaptasi elemen DPRK seperti Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). KIAS Adalah institusi pengajian tinggi yang pertama yang melaksanakan unsur DPRK dalam sistem pengajian tinggi dan menjadi subjek kajian akademik. Elemen DPRK di terapkan dalam modul kuliah, latihan tarbiah, usrah dan program pembangunan sahsiah pelajar.
3. Institut Latihan Darul Naim (ILDAN) merupakan agensi latihan yang menganjurkan seminar dan latihan untuk Pengetua dan Guru sekolah Yayasan Islam Kelantan bagi memastikan amalan DPRK difahami dan dioperasikan.

Ringkasan terhadap penemuan awal dan penilaian berkaitan sejauh mana keberkesanan pelaksanaan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) terhadap sekolah-sekolah di bawah naungan YIK adalah sebagaimana berikut:

#### **(A) Di peringkat Yayasan Islam Kelantan**

Yayasan Islam Kelantan telah menerbitkan dokumen rujukan dan termasuk DPRK dalam Pelan strategik Yayasan Islam Kelantan (YIK) (2021-2025). Ini menunjukkan komitmen institusi untuk meneruskan dan memperkukuh pelaksanaan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan di semua sekolah YIK. Ini akan memudahkan skala dan penyelarasan aktiviti di peringkat sekolah.

#### **(B) Di peringkat Sekolah YIK**

Pelaksanaan di peringkat sekolah dan latihan kepada guru-guru. Institut Latihan Darul Naim (ILDAN) dan Yayasan Islam Kelantan (YIK) mengadakan seminar, latihan untuk pengetua dan guru,

menunjukkan usaha pelaksanaan yang berstruktur dan teratur untuk memastikan dasarini dapat dilaksanakan dengan baik dan terancang di peringkat sekolah. Menyediakan Buku Senarai Semak Aktiviti Dasar Pendidikan Rabbani di semua sekolah YIK salah satu cara atau kaedah bagi memastikan pihak sekolah melaksanakan dengan jayanya setiap program atau aktiviti yang telah ditetapkan di dalam buku tersebut. Buku Senarai Semak mesti di hantar ke Unit Hal Ehwal Murid, Yayasan Islam Kelantan untuk di semak dan dinilai sejauh mana kejayaan pelaksanaan DPRK di sekolah. Pemantauan secara berkala oleh pihak Yayasan Islam Kelantan.

**(C) Di peringkat IPT**

DPRK di Peringkat KIAS telah dilaksanakan secara sistematik dan berstruktur;

1. KIAS menjadikan DPRK dalam Plan Learning Outcome (PLO) bagi memastikan penghayatan bersepadu dan menyeluruh.
2. Setakat ini, KIAS telah melaksanakan Audit Penghayatan DPRK di semua peringkat iaitu Penghayatan DPRK di kalangan pelajar, pentadbir dan pensyarah.
3. KIAS merupakan institusi pertama di peringkat Institusi Pengajian Tinggi menjadikan DPRK sebagai elemen penting dalam pembentukan syaksiyyah pelajar yang berjiwa Rabbani.
4. Melancarkan Slogan "Disini lahirnya Generasi Rabbani" menjadi tag line sbg moto & panduan pengurusan serta Pdp dan pembangunan pelajar.
5. Mengeluarkan garis panduan kawalan hiburan, persembahan, pertandingan, permainan dan media sosial KIAS 2025 berdasarkan DPRK.

**19. YB TUAN HAJI MOHD HUZAIMY BIN CHE HUSIN – PANTAI IRAMA**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan Apakah pelan induk Kerajaan Negeri dalam memperkasa Bachok sebagai destinasi pelancongan utama negeri, memandangkan ia mempunyai pantai yang panjang serta kaya dengan khazanah budaya.

**JAWAPAN : (YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH)**

Kerajaan Negeri Kelantan menerusi Majlis Daerah Bachok, PlanMalaysia Kelantan serta agensi-agensi Jabatan Teknikal kini dalam proses penyediaan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Pesisir Pantai Bachok sebagai langkah perancangan menyeluruh ke arah pembangunan kawasan tersebut secara mampan dan berdaya saing. Sebagai usaha memperkasa jajahan Bachok sebagai destinasi pelancongan utama negeri, Kerajaan Negeri melalui Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan telah mencadangkan pelaksanaan beberapa aktiviti khusus dalam Kalendar Acara Negeri Kelantan 2026. Antara acara utama yang dirancang ialah:

- Pesta Memancing Kelantan
- Festival Kebudayaan dan Kesenian di Pantai Irama
- Pesta Wau Antarabangsa
- Kayuhan Basikal Klasik
- Pesta Mukat
- Kemansin Beach Surf Competition

Penganjuran acara-acara ini bertujuan menarik lebih ramai pelancong domestik dan antarabangsa, di samping memperkenalkan keunikan khazanah, budaya serta gaya hidup masyarakat tempatan yang menjadi identiti tersendiri negeri Kelantan. Secara keseluruhannya, pelan induk ini dirangka bagi menjadikan Bachok sebagai destinasi pelancongan utama berasaskan pantai dan budaya, dengan identiti yang mencerminkan keaslian warisan dan keunikan negeri Kelantan sebagai Destinasi Pelancongan Islamik dan Berbudaya di Pantai Timur.

**20. YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR – KEMUNING**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar menyatakan usaha-usaha Kerajaan Negeri Kelantan dalam menaikkan nama tokoh-tokoh perjuangan negeri ini seperti Tok Janggut dan Tok Kenali agar jasa mereka dapat ditonjolkan dalam siri sejarah Melayu di mata dunia.

**JAWAPAN : (YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR)**

Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa komited dalam mengangkat dan memperkasa warisan sejarah serta ketokohan pejuang negeri seperti Tok Janggut, Tok Kenali, dan tokoh-tokoh ulama serta nasionalis lain agar jasa mereka terus dikenang dan dikenali di peringkat kebangsaan serta antarabangsa.

Antara usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan ialah:

- i. Pemeliharaan dan Pembangunan Tapak Bersejarah. Kerajaan Negeri telah mengenal pasti beberapa lokasi bersejarah yang berkaitan dengan perjuangan Tok Janggut di Pasir Puteh serta Tok Kenali di Kubang Kerian telah dikenal pasti untuk dinaik taraf sebagai tapak warisan negeri. Pembangunan ini merangkumi penyediaan infrastruktur pelancongan, laluan warisan, papan maklumat sejarah dan kemudahan pengunjung.
- ii. Penubuhan dan Penambahbaikan Galeri Tok Kenali dan Monumen Tok Janggut sebagai pusat rujukan sejarah dan pendidikan kepada masyarakat serta pelancong ke negeri Kelantan. Pada masa yang sama, usaha penambahbaikan sedang giat dijalankan meliputi peningkatan bahan pameran, pendigitalan arkib sejarah serta penyelidikan ilmiah bagi memperkukuh daya tarikan dan nilai warisan galeri tersebut sebagai destinasi pelancongan berasaskan sejarah di Negeri Kelantan.
- iii. Penerbitan dan Dokumentasi Sejarah Kerajaan Negeri melalui Jabatan Muzium Negeri Kelantan, Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan serta Jabatan Warisan Negara telah melaksanakan usaha penerbitan dan pendokumentasian sejarah dengan menerbitkan buku, risalah serta dokumentari khas yang mengetengahkan perjuangan Tok Janggut dan ketokohan Tok Kenali.

Inisiatif ini turut diperluas ke platform digital bagi memudahkan capaian masyarakat umum, pelajar serta penyelidik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, seterusnya memperkukuh usaha memartabatkan tokoh-tokoh sejarah negeri di mata dunia.

Secara keseluruhannya, usaha-usaha ini mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri untuk memartabatkan warisan sejarah dan perjuangan tokoh tempatan, di samping menjadikan kisah mereka sebagai sumber inspirasi kepada generasi muda dan memperkukuh identiti sejarah Melayu di mata dunia.

**21. YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YUNUS - PASIR TUMBOH**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar menyatakan, Apakah Pelan TVET berskala besar yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri bersama agensi pusat seperti IKBN, ILP dan HRD Corp?

**JAWAPAN : (YB DATO' WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT)**

Kerajaan Negeri melalui Majlis TVET Negeri Kelantan (MTNK) sedang merangka pelan TVET berskala besar yang akan dilaksanakan pada masa akan datang dengan kerjasama rapat agensi pusat seperti IKBN, ILP dan HRD Corp. Antara perancangan utama yang bakal dilaksanakan ialah:

- i. Menyediakan laluan penyambungan akademik dan mobiliti pendidikan kepada pelajar TVET negeri Kelantan, dengan sokongan IPTA dan politeknik, supaya peluang pendidikan berterusan lebih jelas dan mudah dicapai.
- ii. Meningkatkan akses TVET untuk belia luar bandar, pelajar tercicir dan komuniti rentan, melalui kursus jangka pendek, serta kerjasama dengan NGO dan agensi pusat dalam menyediakan bantuan kewangan dan elaun.
- iii. Mewujudkan penyelarasan strategik bersama industri melalui pelaksanaan Akademi Dalam Industri (ADI), pemeteraian MoU dengan syarikat tempatan, serta penggunaan fasiliti komuniti sebagai pusat latihan praktikal.
- iv. Melaksanakan kempen kesedaran TVET di peringkat komuniti, termasuk karnival TVET, ceramah di sekolah dan masjid, hebahan media sosial, dan promosi kisah kejayaan alumni bagi mengubah persepsi masyarakat terhadap TVET.
- v. Membangunkan profesionalisme jurulatih TVET melalui kursus lanjutan, latihan industri dan insentif inovasi, agar mereka sentiasa selari dengan teknologi terkini dan kehendak pasaran kerja.
- vi. Mewujudkan Pusat Data Raya TVET Kelantan yang akan diselaras bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan agensi pusat lain, sebagai pangkalan maklumat bersepadu bagi graduan, institusi dan industri.
- vii. Memperkukuh penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang TVET dengan kerjasama IKBN, ILP, HRD Corp, universiti tempatan dan institusi TVET lain, bagi mengenal pasti kemahiran baharu dan keperluan industri masa hadapan.

